

**PENGAJARAN MAYA GURU INOVATIF PENDIDIKAN ISLAM DALAM ERA  
PANDEMIK COVID-19**

***VIRTUAL TEACHING OF INNOVATIVE ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN THE  
COVID-19 PANDEMIC ERA***

Nursafra Mohd Zhaffar

*Academy of Islamic Contemporary Studies, UiTM Rembau Campus, Negeri Sembilan, Malaysia*  
[nursafra@uitm.edu.my](mailto:nursafra@uitm.edu.my)

Wan Ali Akbar Wan Abdullah

*Faculty of Education, National University of Malaysia, Selangor, Malaysia*

Khadijah Abdul Razak

*Faculty of Education, National University of Malaysia, Selangor, Malaysia*

Mohd Isa Hamzah

*Faculty of Education, National University of Malaysia, Selangor, Malaysia*

*Submission Date: 9<sup>th</sup> March 2021*

*Acceptance Date: 4<sup>th</sup> September 2021*

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk meneroka kaedah pengajaran maya yang diamalkan oleh guru inovatif pendidikan Islam dalam musim pandemik Covid-19 serta isu-isu yang berkaitan dengannya. Oleh kerana kajian ini bersifat fenomena, maka kajian kualitatif sesuai dijalankan. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kes. Empat peserta kajian dipilih berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Empat kriteria ditetapkan, iaitu; 1) pernah diiktiraf sebagai guru inovatif sekurang-kurangnya di peringkat negeri, 2) pernah menghasilkan inovasi pengajaran dalam Pendidikan Islam, 3) mengajar Pendidikan Islam, dan 4) mudah didekati dan memberikan kerjasama. Pemilihan guru inovatif sebagai peserta kajian dibuat kerana inovator adalah individu yang tenang ketika menghadapi krisis dan mampu mencari penyelesaian terbaik. Data dikutip menggunakan teknik temu bual mendalam. Temu bual dijalankan secara dalam talian. Dapatan menunjukkan lima tema dibicarakan oleh peserta kajian, iaitu; 1) persiapan, 2) penyediaan bahan pengajaran, 3) penjadualan kelas, 4) jenis pengajaran, dan 5) cabaran pengajaran maya. Peserta kajian dilihat berusaha sedaya upaya untuk memberikan pengajaran terbaik dengan mengambil kira pelbagai cabaran yang timbul ketika sesi pengajaran tersebut.

**Kata Kunci:** Pengajaran Maya, Guru Inovatif, Pendidikan Islam, Pandemik Covid-19.

**Abstract:** This study explored the virtual teaching methods practised by the innovative Islamic Education teachers in the Covid-19 pandemic season and its issues. This case study is conducted qualitatively as it is based on a phenomenon. Four participants were selected based on the purposive sampling technique. Four criteria were set, namely; 1) recognized as an innovative teacher, 2) produced teaching innovations, 3) teaching Islamic Education, and 4) approachable and collaborative. Innovative teachers were selected as the participants of the study because they face the crisis calmly and able to find the best solutions. Data were collected using in-depth online interview. The findings showed that five themes were discussed by the participants, namely; 1) preparation, 2) preparation of teaching materials, 3) class schedule, 4) types of teaching, and 5) virtual teaching challenges. Participants have tried their best to provide the best teaching by considering the various challenges occurred during the teaching session.

**Keywords:** Virtual Teaching, Innovative Teacher, Islamic Education, Covid-19 Pandemic.

## **Pengenalan**

Virus Covid-19 (ketika itu dikenali sebagai (2019-nCov) mula dikesan di Malaysia seawal 23 Januari 2020 apabila Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) menerima laporan dua kes disahkan positif di Selangor. Dalam sidang media pada 25 Januari 2020, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan mengesahkan kes pertama Covid-19 membabitkan tiga warga Cina yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula mengisytiharkan virus Covid-19 sebagai darurat kesihatan di seluruh dunia pada 31 Januari 2020, dan mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik pada 12 Mac 2020. Peningkatan ketara kes Covid-19 setiap hari menyebabkan kerajaan mengambil langkah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia. Fasa pertama PKP bermula 18 Mac 2020. Bermula 4 Mei 2020, kerajaan melonggarkan sedikit sekatan pergerakan dan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diperkenalkan. Pada 10 Jun 2020 pula, kerajaan melonggarkan lagi sekatan pergerakan, dan Malaysia memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Ketiga-tiga PKP, PKPB dan PKPP adalah tindakan kerajaan mengawal pergerakan rakyat bagi membolehkan penularan jangkitan wabak Covid-19 berjaya dikekang. Perbezaannya adalah dari sudut kelonggaran tertentu yang diberikan pada PKPB dan PKPP berbanding PKP.

Gelombang kedua penularan covid-19 kembali melanda Malaysia pada September 2020 menyebabkan kerajaan melaksanakan kembali PKPB bermula 9 November 2020 di beberapa buah negeri dan mengekalkan status PKPP di negeri-negeri yang lain. Namun, dalam fasa PKP kali ini, kebanyakan rakyat mula mampu beradaptasi dengan cara hidup baharu berdasarkan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat menyebabkan kerajaan mengambil tindakan dengan lebih bersasar terhadap lokasi yang dikenal pasti ada jangkitan. PKP pada fasa ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh seperti dalam fasa pertama. Keadaan ini menyebabkan ada lokasi yang dikenakan PKP, PKPB atau PKPP berdasarkan kepada nilai kebolehjangkitan dalam masyarakat sepertimana yang dinilai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melihat kepada kadar jangkitan yang meningkat semula, pada 13 Januari 2021, PKP diaktifkan semula di kebanyakan negeri. Pada masa yang sama, Yang di-Pertuan Agong turut berkenan mengisytiharkan darurat kesihatan di seluruh Malaysia bermula 12 Januari 2021 dan dijangka tamat pada 1 Ogos 2021. Pada 29 Januari 2021, kes harian terbaru tertinggi dicatat di Malaysia, iaitu sebanyak 5725 kes. Pelbagai usaha dilakukan. Usaha terakhir kerajaan adalah melalui program vaksinasi. Usaha kerajaan mendapatkan vaksin akhirnya berjaya. Program imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah dimulakan kerajaan pada 24 Februari 2021 dan dijangka mengambil tempoh sehingga Februari 2022 untuk disempurnakan sepenuhnya kepada majoriti rakyat Malaysia.

## **Kesan Covid-19 kepada Pengoperasian Sekolah di Malaysia**

Kes Covid-19 turut menular dalam warga sekolah. Terdapat kes-kes yang dilaporkan melibatkan guru dan pelajar. Dalam info-grafik yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 22 Oktober 2020, data menunjukkan lebih daripada 2000 pelajar terkena jangkitan Covid dalam tempoh Februari 2020 hingga Oktober 2020. Oleh hal yang demikian, selaras dengan pelaksanaan PKP di seluruh Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mengambil tindakan sama dengan memberi arahan penutupan sekolah-sekolah yang berisiko tinggi seperti yang berlaku di Sarawak, bermula pada 29 Julai 2020, dan diikuti dengan arahan penutupan sekolah yang berada dalam zon merah seperti di Klang pada 7 Oktober 2020. Akhirnya, kerajaan terpaksa menangguhkan operasi persekolahan 2020 di seluruh Malaysia bermula awal November 2020. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 turut ditangguhkan ke awal 2021. Melalui kenyataan media KPM yang dikeluarkan pada 11 Januari 2021, bermula 20 Januari 2021, sesi pengajaran bersemuka dibenarkan hanya kepada calon SPM 2020. Walau bagaimanapun, kebenaran itu berakhir pada 9 Februari 2021 untuk memberi laluan kepada persiapan SPM 2020 yang dijadualkan berlangsung pada 22 Februari 2021. Melihat kepada trend penurunan kebolehjangkitan Covid-19, KPM mengumumkan pembukaan sekolah secara berfasa untuk pengajaran bersemuka, iaitu; pada 1 Mac 2021 (tahun 1 dan tahun 2), 8 Mac 2021 (tahun 3 hingga tahun

6) dan 4 April 2021 (sekolah menengah). Penutupan sekolah tidak bermaksud tiada pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, sepanjang penutupan sekolah, para guru diarahkan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr). PdPr merujuk kepada PdP yang dilaksanakan di rumah atau mana-mana lokasi bersesuaian, sama ada dalam talian, luar talian atau *off-site* secara berstruktur dan terancang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Dari sudut pengajaran maya, ia bukanlah satu metod baru, sebaliknya ia telah lama diperkenalkan. Di pihak KPM, pernah ada program pengajaran maya diperkenalkan, antaranya *Virtual Learning Environment (VLE) Frog*. Penggunaan VLE Frog di kalangan pelajar menunjukkan bilangan log-in melepasi sasaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Namun, Covid-19 memberi impak langsung kepada kaedah pengajaran tradisional. Kalau sebelum ini, pengajaran tradisional lebih selesa dipraktikkan, namun dengan kedatangan Covid-19, sektor pendidikan tiada pilihan melainkan beralih kepada pilihan yang ada, antaranya pengajaran maya (Marinoni, Land, & Jensen, 2020; Sim, Sim, & Quah, 2020). Namun, teknologi sedia ada boleh dimanfaatkan, terutamanya dalam memastikan pengajaran masih dilakukan bersesuaian dengan aras pemikiran. Contoh aplikasi yang boleh digunakan ketika pengajaran maya yang bersesuaian dengan aras pemikiran Taksonomi Bloom adalah seperti berikut (Mazlina Abdul Majid, 2020):

<b>Kemahiran</b>	<b>Definisi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Aplikasi</b>
Pengetahuan	Kenal pasti, Senarai	Quick Recall Quiz Self-surf through Social Bookmarking Flashcard	Kahoot, Freemium Google Classroom, Kalam, Quiz Up Bookmarking Flashcard Apps
Pemahaman	Menjelaskan, Menafsirkan	Online Forum Video	Kalam, WhatsApp, Telegram Youtube, Dailymotion
Aplikasi	Melaksanakan, Operasi	Latihan berbentuk online face to face Simulasi Webex, Google Meets, Zoom, Skype	Structural Equation Modelling Anylogic, Autodesk, Matlab, Solid Works, Rational Rose
Analisis	Perbandingan antara fahaman	Scenario/ Problem Analysis	TRIZ, Report in Google Document
Penilaian	Kritik kerja atau bahan sedia ada	Case Study Debate	Online Journal, Related Websites/Applications
Pembangunan	Menggunakan pemahaman untuk tujuan formulasi, penambahbaikan/pembangunan konse/idea	Pameran Maya	Open-Source Digital Exhibition, Google Teacher Podcast

**Jadual 1:** Contoh Aplikasi Berdasarkan Aktiviti Mengikut Aras Taksonomi Bloom

Fenomena pengajaran maya ini menarik perhatian pengkaji untuk meneroka reaksi guru inovatif pendidikan Islam (GIPI) dalam menjalankan aktiviti pengajaran maya mereka. GIPI merujuk kepada guru Pendidikan Islam yang menghasilkan inovasi pengajaran serta terbukti berkesan (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2020). Dari sudut literatur, individu inovatif sepatutnya adalah seorang yang tenang menghadapi krisis, cenderung untuk mengawal keadaan yang tidak tersusun (Kirton, 1976), mudah menyesuaikan diri (Hasan Langgulung, 1991), mahir merungkai masalah serta menyelesaikan masalah (Amabile, 1988; Kirton, 1976; Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar, 2019) dan bertoleransi dengan kesamaran dan ketidaktentuan (Dawson & Andriopoulos, 2017; Isbell & Raines, 2012) serta mampu berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka (Kirton, 1976). Selain itu, inovator juga adalah individu yang memiliki idea yang gila-gila (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2019), akal yang suka melakukan sesuatu, tekun, belajar daripada kegagalan, suka mencuba, proaktif dan dinamik, melihat sesuatu isu dari sudut yang

positif dan suka merintis dan mencuba idea-idea baru (Mohd Azhar Abd Hamid, 2004; Noor Hisham Md Naw, 2014).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan pengajaran guru inovatif pendidikan Islam (GIPI) dalam musim pandemik Covid-19 serta isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran maya.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kes, menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai empat peserta kajian terlibat. Pemilihan empat peserta kajian bagi satu-satu kajian kes mencukupi berdasarkan pandangan Creswell (2013) serta diamalkan dalam kajian kes yang dijalankan oleh pengkaji lain seperti Zetty Nurzuliana Rashed (2016). Keempat-empat peserta kajian dipilih berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Melalui teknik ini, kriteria ditetapkan untuk pemilihan peserta kajian (Merriam, 2009). Empat kriteria ditetapkan, iaitu; 1) pernah diiktiraf sebagai guru inovatif, sekurang-kurangnya di peringkat negeri 2) pernah menghasilkan inovasi pengajaran dalam Pendidikan Islam, 3) mengajar Pendidikan Islam, dan 4) mudah didekati dan memberikan kerjasama. Untuk menjaga etika kajian, setiap peserta kajian diberikan nama samaran (*pseudonym*) sepertimana yang dicadangkan oleh Merriam (2009). Ringkasan demografi peserta kajian dapat dilihat melalui jadual di bawah:

Nama samaran	Antara inovasi yang pernah dihasilkan	Antara pencapaian dalam pertandingan inovasi
Ustaz Zakkir	Jari Jawi dan Jawi Abqori	Guru Inovatif Negeri Pingat Emas Pertandingan Kebangsaan
Ustazah Aleeya	Pop-up Hajj Tour Fikah Exhibition VR Saintis Ibadah Kit VR	Guru Inovatif Kebangsaan 100 Guru Terbaik PAK21 Pingat Emas Pertandingan Antarabangsa
Ustazah Ainur	Solatku Power	Guru Inovatif Negeri 100 Guru Terbaik PAK21
Ustazah Arisya	Dam LRT	Guru Inovatif Negeri

**Jadual 2:** Demografi Peserta Kajian

Usaha menjejaki peserta kajian dibuat menggunakan teknik *snowball*. Ustazah Aleeya dan Ustazah Ainur adalah kenalan pengkaji dan menjadi peserta kajian asal (original). Pemilihan kenalan sebagai peserta kajian disifatkan oleh Noy (2008) sebagai *power relation*. Ustaz Zakkir dan Ustazah Arisya pula adalah generasi seterusnya dalam stemmata pencarian peserta kajian. Dalam hal ini, penggunaan *snowball* dibuat apabila kajian difokuskan kepada populasi tersembunyi (Noy, 2008). Teknik *snowball* boleh diterima jika dikendalikan mengikut tujuan, iaitu tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan (Merriam, 2009). Kelebihan penggunaan teknik ini adalah praktikal, jimat kos, individu yang dikaji sesuai dan tidak banyak masa diperlukan untuk mendapatkan kepercayaan peserta kajian (Gill, 2020).

Pengumpulan data dibuat menggunakan temu bual. Teknik ini dapat membekalkan data yang banyak dalam masa yang singkat (Bogdan & Biklen, 2003). Temu bual dikendalikan secara mendalam, dikendalikan secara separa struktur dan data dikutip sehingga tepu. Ketepuan akan dapat dicapai apabila tiada lagi data baru ditemui (Creswell, 2014; Gill, 2020). Melalui temu bual mendalam, pengkaji dipandu oleh senarai soalan atau isu yang ingin diterokai, manakala bentuk soalan ditentukan bergantung kepada masa dan situasi (Merriam, 2009). Isu yang ingin diterokai dalam kajian ini adalah berkenaan dengan

pengajaran maya yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Isu ini akan menjadi kerangka dalam minda pengkaji ketika menemu bual peserta kajian (Yin, 2011).

Temu bual dijalankan secara individu dan dikendalikan secara atas talian. Temu bual secara atas talian sama seperti temu bual yang dikendalikan secara berhadapan (Gray, Wong-Wylie, Rempel, & Cook, 2020). Terdapat banyak aplikasi boleh dipilih bergantung kepada keperluan penyelidikan, kemudahan pengguna dan keselesaan penyelidik (Gray *et al.*, 2020). Dalam kajian ini, temu bual dikendalikan menggunakan aplikasi *Google Meet*. Pemilihan *Google Meet* dibuat kerana ia adalah aplikasi yang dicadangkan untuk digunakan ketika PdPr di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Ketika temu janji dibuat, peserta kajian turut menyatakan mereka selesa dengan aplikasi tersebut. Setiap sesi temu bual yang dijalankan dirakam menggunakan fungsi rakaman sedia ada yang terdapat pada *Google Meet*. Untuk menjaga etika kajian, rakaman temu bual tersebut dibuat ketetapan limit akses (James & Busher, 2016). Setiap temu bual ditranskrib dan dianalisis menggunakan aplikasi Nvivo 12 Plus. Proses analisis merangkumi proses pemilihan, pengurangan dan pemberian makna kepada data yang diperolehi (Patton, 2002). Kaedah perbandingan berterusan turut diaplikasikan, membolehkan perbandingan antara set data daripada seorang peserta kajian pada waktu yang berlainan dan lokasi berbeza dilakukan (Bogdan & Biklen, 2003). Sesi temu bual dijalankan pada bulan Februari dan Mac 2021, iaitu selepas lebih kurang setahun Malaysia dilanda dengan pandemik Covid-19.

## **Dapatan Kajian**

Terdapat lima tema yang dibincangkan oleh peserta kajian mengenai pengajaran maya, iaitu; 1) persiapan, 2) penyediaan bahan pengajaran, 3) penjadualan kelas, 4) jenis pengajaran, dan 5) cabaran pengajaran maya.

### **1- Persiapan**

Dapatan menunjukkan bahawa peserta kajian melakukan dua persiapan untuk menghadapi pengajaran maya, iaitu; belajar dan beli alatan tertentu. Dari sudut belajar, peserta kajian mengakui bahawa mereka belajar banyak perkara baharu untuk menghadapi pengajaran maya. Ustazah Ainur cenderung untuk memanfaatkan internet sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat dan panduan. Katanya, "*Apa benda yang saya tak tahu, saya google lah... Macam mana nak buat button record, macam mana nak muat button attendance.*" Ustazah Arisya pula berkongsi-kongsi maklumat dengan rakan-rakan guru lain melalui program *Profesional Learning Community (PLC)*. Katanya, "*(Belajar) buat google form, cara nak ambil kebadiran, video, macamana nak buat video, saya ajar diorang buat video... Kongsi-kongsi (sama-sama). Dia kata malu aih nak letak muka. Saya kata letaklah gambar kartun. Macamana pula letak gambar kartun? Kita ajar insbot. Jadi video. Edit video ke, saya guna insbot.*" Hal ini kerana komuniti guru yang ramai menyebabkan ada kepakaran tertentu yang ada pada guru tertentu yang boleh diambil pengajaran daripada mereka. Jelas Ustazah Ainur, "*Kalau cikgu tak pandai nak buat google meet, saya dah ada orang yang pakar dah untuk buat benda ni. Kalau cikgu tak tahu nak buat google form, saya dah ada dah cikgu-cikgu yang pakar untuk ajar cikgu-cikgu yang lain... Banyak je cikgu-cikgu yang hebat.*"

Peserta kajian turut mengakui bahawa mereka perlu melabur membelikan alatan tertentu untuk memudahkan pengajaran. Jelas Ustazah Ainur, "*Macam-macam gajet kena beli.*" Antaranya "*lampu ring*" (Ustazah Ainur), "*pen... Boleh tanda dekat screen*" (Ustazah Ainur) dan "*screen hijai*" (Ustaz Zakkir). Pembelian ini boleh dibuat kerana harganya yang "*dah jadi baban, alat yang murah untuk dibeli.*" (Ustazah Ainur). Contohnya, bagi pen sentuh itu dibeli dengan harga "*18 ringgit*" (Ustazah Ainur), manakala lampu ring dibeli dengan harga "*tak sampai 50 pun... Bawah 30 pun ada.*" (Ustazah Ainur).

## **2- Penyediaan bahan pengajaran**

Dapatan menunjukkan peserta kajian menyediakan bahan pengajaran dalam tiga bentuk, iaitu; menyediakan sendiri, menggunakan bahan yang disediakan oleh rakan panitia dan menggunakan bahan yang dikongsi oleh guru lain di atas talian. Dari sudut penghasilan sendiri bahan pengajaran, peserta kajian mengakui terpaksa menghasilkan bahan pengajaran kerana desakan ibu bapa, walaupun dalam keadaan tidak selesa merakam pengajaran sendiri. Hal ini menunjukkan, peserta didorong secara luaran untuk menghasilkan sendiri bahan pengajaran dan berkemungkinan tidak menghasilkan sendiri bahan pengajaran jika tiada dorongan luaran. Jelas Ustazah Arisya, “*Yelah. Ibu bapa kan bising, cikgu ambik youtube oranglah, kita pun cubalah. Kita tengok orang, macam kartunlah. Macam-macamlah. Salah cakaplah. Tersasul. Bukan senang. Bukan semua oranglah boleh berada depan kamera.*” Maka ada peserta kajian seperti Ustazah Aleeya yang menghasilkan video dan memuatnaik video tersebut ke Youtube dan menyusun kuiz dalam bentuk Google Form. Katanya, “*Yang tak datang tu, kita forwardlah group kelas, sama ada youtube, link youtube tu, kita ambiklah. Kalau form 4 tu, ada yang Aleeya buat, kan? ... Yang tu, google form, kuiz.*” Ustazah Ainur pula merekod pengajarannya menggunakan aplikasi Canva. Jelasnya, “*Saya memang record pengajaran saya melalui canva. Kalau ada canva memang dia ada satu app yang sangat mudah, memang attractive gila. Kita memang just record dan kita memang ada muka kat situ kan.*” Bagi kuiz, kelebihan menghasilkan sendiri bahan adalah, markah pencapaian pelajar dapat terus disemak. Jelas Ustazah Arisya, “*Kalau kita buat Quizizz... Google form, dia ada markah terus masuk dalam tu. Kita boleh check. Cuma kalau bukan kita buat sendiri, kita kena check dengan kawan kitalah... Kalau kita punya, senanglah, kita dapat terus.*” Ustazah Arisya pula menghasilkan video menggunakan aplikasi Power Point. Katanya, “*Saya buat video guna power point, masuk kat group jelah.*” Hal yang sama dilakukan oleh Ustaz Zakkir, katanya, “*Saya rakam, Saya pancar power point, saya rakamlah. Kita cakap gitu jelah.*” Durasi video pengajaran yang dihasilkan hanya sekitar tiga ke empat minit sahaja. Kepentingan video tersebut adalah sebagai stimulus kepada pengajaran lanjut yang akan berlangsung dalam aplikasi WhatsApp. Jelas Ustazah Arisya: “*Paling lama, 3 minit, 4 minit je. Saya buat 3 minit, 4 minit, saya edit balik, masukkan dalam youtube. Sekejap. Tapi, dalam 10 soalan tu, ok lah, kalau sekali bincang... Tapi, nilah, bincang dalam group pulak lah. WhatsApp kitaorang guna... Kita shot mana soalan diorang buat, tanda, pastu bincanglah kenapa soalan ni salah, kenapa betul, 1 markah, 2 markah, semua.*”

Peserta kajian turut mengakui bahawa bahan yang disediakan hanya satu bagi setiap topik. Tiada perbezaan bahan khusus bagi pelajar yang berbeza tahap kognitif. Semua pelajar akan menggunakan bahan yang sama. Perbezaan antara pelajar kelas hadapan dan pelajar kelas belakang adalah respon mereka terhadap bahan pengajaran tersebut. Jelas Ustazah Arisya: “*Bahan dia sama, sebab video kena yang sama je. PdP pembelajaran, kan? Kelas mana-mana pun, sama je belajar. Pastu dia punya soalan pun, berkaitan dengan video tu. So, kita share yang sama jelah. Cuma kita tanyalah dalam group, sape tak faham apa-apa, boleh terus tanya. Tapi kelas belakang ni, biasanya dia senyap jelah. Senyap, pastu dia hantar markah. Macam tu je.*”

Kelebihan penyediaan sendiri bahan pengajaran adalah peserta kajian dapat menyelitkan unsur inovasi dalam bahan pengajaran mereka. Jelas Ustazah Arisya, “*Ada juga (inovasi) masuk yang sesuai. Kalau tajuk tu, topik-topik yang boleh masuk (inovasi) lagu, masuklah.*” Kesannya sama seperti pengajaran bersemuka, iaitu jika impak inovasi yang biasa dihasilkan oleh peserta kajian adalah untuk membantu ingatan pelajar, maka bahan yang dihasilkan untuk pengajaran maya juga akan memudahkan ingatan. Jelas Ustazah Arisya, “*Saya test... Ooo... Baru boleh ingat. Lama doh tak ingat, ingat dia kata. Senang je ingat. Saya buat formula, kan?*”

Terdapat juga peserta kajian yang berkongsi bahan pengajaran dengan rakan sesama panitia. Melalui sistem perkongsian bahan ini, bebanan tugas setiap ahli panitia dapat diringankan. Jelas Ustazah Arisya, “*Bila saya gabung group... Kitaorang bahagi-bahagi tugas. Kadang cikgu ni buat tugas, nanti kita sharelah kat group. Macam tu. Ringanlah sikit.*” Melalui sistem ini, setiap ahli panitia dilantik sebagai penyelaras bagi tingkatan tertentu, dan dia perlu hasilkan sendiri bahan pengajaran dan berkongsi bahan tersebut dengan rakan panitia yang lain. Jelas Ustazah Aleeya, “*Kitaorang ada penyelaralah. Setiap tingkatan tu yang akan buat, power point, yang akan buat soalan, setiap penyelaras buat. Takdelah kitaorang buat semua.*” Perkara

yang sama dilakukan oleh Ustazah Arisya. Namun, dek kerana bilangan ahli panitia yang ramai menyebabkan pergiliran penyediaan bahan turut dapat dibuat. Jelasnya, “*Ikut tingkatanlah. Macam tingkatan 4, ustazah ni buat. Tingkatan 5, ustazah ni buat. Tingkatan 3, ustazah ni buat. So, minggu ni sape yang kena buat. Pastu, kita share lah.*” Walau bagaimanapun, perkongsian bahan daripada rakan panitia yang lain, turut ditonton terlebih dahulu oleh peserta kajian untuk memudahkan proses pengajaran. Jika perlu kepada bahan tambahan, peserta kajian akan menghasilkan sendiri bahan tambahan tersebut. Segalanya bergantung kepada respon pelajar terhadap bahan yang telah disediakan itu. Jelas Ustazah Arisya, “*Kalau dia (kawan) bagi video, kita tengoklah video tu cite pasal apa. Kita soallah balik video kat group tu. Ok, awak tak faham apa. Gini, gini... Macam saya, kalau tak cukup, saya buat video sendiri pulak.*”

Selain itu, peserta kajian turut memanfaatkan bahan sedia ada yang dihasilkan oleh guru-guru lain. Ustazah Aleeya menjelaskan, “*Yang tak datang tu, kita forwardlah group kelas, sama ada youtube, link youtube tu, kita ambiklah (orang punya).*” Walau bagaimanapun, bahan guru lain yang diambil adalah bahan yang tidak disediakan oleh peserta kajian. Peserta kajian mengakui, sejak PKP, banyak bahan mudah didapati secara atas talian yang boleh dimanfaatkan. Jelas Ustazah Aleeya, “*Youtube tu, yang mana Aleeya ada je (macam) yang form 4, Aleeya bagilah. (Yang) Aleeya punya, yang takde, Aleeya ambik cikgu-cikgu lain punya. Yang berkaitan dengan tajuk, banyak, kan? Dah ada banyak, kan? Kita takde nak buat dah yang youtube tu.*” Selain itu, peserta kajian turut memilih saluran tertentu yang ada banyak bahan sedia ada telah dihasilkan dan dikongsi oleh guru-guru lain. Penggunaan bahan sedia ada diakui memudahkan kerja mereka. Jelas Ustazah Zakkir, “*Yang saya buat Quizizz lah. Google form tak buat lagi. Tabu, tapi malas nak buat. Yang Quizizz senang, sebab dah banyak boleh ambik (yang sedia ada) je.*” Penggunaan bahan sedia ada dalam talian menunjukkan penerimaan peserta kajian terhadap bahan lain yang sedia ada yang disediakan oleh guru lain dan boleh dimanfaatkan oleh mereka. Mereka tidak akan mampu menghasilkan sendiri bahan-bahan dalam kekangan waktu yang ada.

### **3- Penjadualan kelas**

Dapatan menunjukkan bahawa peserta kajian mematuhi panduan jadual yang diberikan oleh KPM dan sekolah. Dalam sehari ada tiga atau empat subjek dipelajari pelajar. Jelas Ustazah Aleeya, “*Saya ikut jadual yang sekolah bagi. Lebih kurang 3 atau 4 subjek. 3 macam tu lah. 3 atau 4. Dia satu jam. 9-10, pastu rehat. 10.30-11.30. 12 sampai 1. Tiga cantiklah. Tiga.*” Dalam seminggu, setiap kelas diberi peruntukan empat waktu, iaitu dua kali pertemuan untuk subjek Pendidikan Islam. Jelas Ustazah Arisya, “*PdPr, seminggu dua kali je. Untuk satu tingkatan.*” Walau bagaimanapun, peserta kajian mengubahsuai pertemuan itu mengikut situasi. Jelas Ustazah Aleeya, “*Walaupun peraturan tu, sekolah tetapkan, ok, satu cikgu, satu kelas, satu gmeet, kan? Tapi kita cuba sesuaikanlah, mengikut panitia. Panitia setuju, semua on lah.*” Oleh itu, terdapat peserta kajian cenderung untuk menggabungkan kelas mereka. Kata Ustazah Aleeya, “*Tingkatan 1 sampai tingkatan 4, kita macam gabung-gabung jugaklah kelas. Dengan kawan-kawan.*” Gabungan kelas dibuat kerana tiga sebab, iaitu; 1) kehadiran pelajar yang tidak memberangsangkan dalam satu-satu kelas, 2) meringankan beban pengendalian kelas dan penyediaan bahan, dan 3) membantu rakan guru yang terpaksa bertugas di luar. Jelas Ustazah Aleeya: “*Google meet, kita dah tahu dah, murid buat berapa, berapa. Kalau kita combine, macamana. Jadi semua orang takdelah nak pening sangat, kan? Sebab kita jaga 5 kelas, dengan PdPr, nak buat power point. Saya cadang macam tu, kan? Masa meeting awal-awal dulu tu, diorang setuju... Sekarang ni pun, saya kena cover kawan-kawan punya kelas, sebab diorang jaga SPM. PdPr diorang takde.*”

Tindakan yang diambil oleh peserta kajian ini menunjukkan daya kreativiti peserta kajian dalam mendepani isu yang timbul ketika mengendalikan pengajaran maya. Walau bagaimanapun, gabungan kelas biasa dibuat terhadap pelajar dari kelas dengan tahap kognitif yang hampir sama. Jelas Ustazah Arisya, “*Kalau yang sama level, gabunglah. Gabung group.*” Walau bagaimanapun, gabungan kelas yang hampir sama tahap turut memberi kesan kepada reaksi pelajar dari kelas belakang yang cenderung untuk berdiam diri berbanding pelajar kelas hadapan. Jelas Ustazah Arisya: “*Agama dua group. Tingkatan 5. Pastu tingkatan 4 dua group. Saya tak gabung yang tingkatan 4 tu, sebab level lain-lain, kan? Nanti kita bagi-bagi, dia*

*pening. Apa ustazah ni bagi banyak. Yang gabung tu pun, hampir sama level, senyap je kelas yang kedua tu. Kelas yang pertama je yang berbunyi. Dia malu kot. Tapi dia bantarlal kerjanya.”*

Namun, gabungan kelas tidak dibuat pada pelajar tingkatan 5. Hal ini untuk memberikan keselesaan pada pelajar dan guru dan fokus guru terhadap pelajar. Jelas Ustazah Aleeya, “*Yang form 5, wajib, personal dengan kelas. Yang lain tu, kita boleh gabung lab... Tapi form 5 ni kita nak fokus... Nanti semua naik bersemuka, kan? Tak nak beban.”*

#### **4- Jenis pengajaran**

Dapatan menunjukkan peserta kajian menggunakan dua jenis pengajaran, iaitu; pengajaran sehala dan pengajaran dua hala. Pengajaran sehala digunakan oleh semua peserta kajian dengan memanfaatkan aplikasi seperti *WhatsApp* dan *Telegram*. Antara kelebihan penggunaan aplikasi seperti ini adalah; 1) memudahkan penerangan guru melalui fungsi ‘*voice note*’. Jelas Ustazah Ainur, “*Saya buat satu channel dalam telegram lagi, saya voice note kan... saya bagi explanation satu-satu.”* 2) sebagai medium pengagihan bahan pembelajaran. Kata Ustazah Aleeya, “*Yang telegram tu, bagi bahanlah. Kuiz ke. Google Form ke.”* 3) rancangan sokongan terhadap pelajar yang tidak hadir ketika pengajaran dua hala. Kata Ustazah Aleeya, “*Yang tak datang tu, kita forwardlah group kelas, sama ada youtube... Google form, kuiz. Diorang jawab tu la. Pastu, diorang bubuh nama siap-siaplah. Sape yang dah buat, tak buat.”* Tambah Ustaz Zakkir pula, “*Yang takde peranti, setiap kali lepas kelas tu, saya akan masukkan bahan dalam group kitaorang tulah. Group PI tu... Saya akan masukkan bahan, flipped book ke. Kadang-kadang saya dah buat video awal, tapi video tu, lepas kelas online baru saya masuk... Pastu baru kita kasi tugasanlah.”* 4) penggunaan data yang kurang berbanding aplikasi lain. Jelas Ustazah Ainur, “*Ada budak yang tak ada data, tak cukup data, dia nak bukak tu pun tak boleh. So salah satu medium yang diguna kan, macam tu lah buat telegram channel.”*

Dalam situasi tertentu, pengajaran sehala bertukar menjadi pembelajaran sendiri. Jelas Ustazah Aleeya, “*Sesiapa yang tidak mengikuti gmeet, boleh tengok link youtube ni, kemudian jawab kuiz. Macam tu je.”* Melalui pengajaran sehala, pelajar tidak perlu memberi respon serta merta, sebaliknya mereka diberi tempoh yang lebih panjang untuk menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan oleh guru.

Pengajaran dua hala pula hanya digunakan oleh beberapa peserta kajian. Pengajaran dua hala digunakan dengan memanfaatkan aplikasi seperti *Zoom* dan *Google Meet*. Jelas Ustazah Ainur, “*Zoom, google meet memang saya buat.”* Pengajaran dua hala diberi keutamaan kepada pelajar tingkatan 5 yang akan menghadapi SPM pada hujung tahun. Langkah ini diambil agar tidak menimbulkan masalah di kemudian hari. Keadaan ini menyebabkan peserta kajian terpaksa menanggung kelas pada waktu pagi ke waktu malam atau pun waktu senggang yang lain untuk mengoptimalkan kehadiran. Jelas Ustazah Aleeya: “*Form 5 ni kita bagi dabulu fokus, nanti semua naik bersemuka, kan? Tak nak beban... Suruh hafal, hafal, tak hafal, kan? Jadi, form 5 memang kena dengan kelas... Kelas Aleeya hari Khamis, form 5 kul 9, diorang setuju tak nak buat kul 9. Sebabnya dah banyak kali yang awal hari tu, tiga kali buat, daripada 30 lebih tu, 20, 21 orang. Tak penub. Kalau boleh kita nak penublah, kan? Jadi kena tunda. Kita buat macam malam, ataupun Aleeya buat hari Rabu. Rabu tu diorang ada subjek seni. Diorang tak ambik seni, diorang boleh buat time tu lah. 12 hingga 1.”*

Tindakan yang sama turut dilakukan oleh Ustazah Ainur. Katanya, “*Budak-budak form 5 memang buat google meet malam.”* Selain itu, peserta kajian turut memanfaatkan pengajaran dua hala untuk menugaskan pelajar membuat pembentangan bagi tajuk-tajuk tertentu. Kata Ustazah Aleeya, “*Aleeya bagi kerja, macam beberapa tajuk tu, presentationlah, melalui GMeet. Takdelah kita je yang cakap. Kita buat presentation. Pastu kita buat macam kuizlah. Ujian terkumpul.”* Selain itu, melalui *Google Meet* juga, guru dapat mengenal pasti kehadiran pelajar secara lebih tepat serta dapat menjalankan pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang hampir sama seperti yang berlangsung dalam kelas. Jelas Ustaz Zakkir: “*Saya memang selalu buat google meet... Kalau nak tengok dari segi data kehadiran mungkin ada yang tak masuk, tapi data daftar je... Yang tabu tu, yang betul-betul masuk berhadapan dengan kita macam nilah... Jadi kat situ kita boleh interaksilah. Interaksi,*



*tanya, suruh baca ke. Kadang-kadang, mana perlu baca, ayat-ayat ke, hafazan tu, kita kena dengarlah baca. Betulkan. Dapatkan dia punya tabap pencapaian. Kita dah ajar. Pastu kita suruh dia baca.”*

### **5- Cabaran pengajaran maya**

Peserta kajian mengakui terdapat beberapa cabaran yang terpaksa ditempuhi ketika pengajaran maya. Yang paling utama adalah komitmen pelajar. Isu komitmen ini adalah berkenaan dengan kehadiran pelajar dalam pengajaran dua hala dan penyertaan pelajar terhadap tugas yang diberikan. Dari sudut kehadiran, peserta kajian mengakui, secara umumnya pelajar kelas hadapan memberikan komitmen yang lebih baik berbanding pelajar kelas belakang. Segelintir pelajar langsung tidak pernah muncul. Jelas Ustazah Arisyah, “*Ada (budak tak pernah muncul). Chipsmore ada. Kalau kelas 4 S tu, 5 S lah sekarang, kalau kelas PdPr dia, 25 orang, 21 orang ada. Kadang-kadang penuh 25. (S tu kelas) pertama. Kadang-kadang 24, 23. Gitulah. Dia 25 je (penuh). Kelas nombor 13 tu, 5 orang, 10 orang. Aduh.*” Cabaran yang sama dihadapi oleh Ustazah Aleeya. Katanya, “*Yang bujung tu lapang orang. Bila gabung (empat kelas), dapatlah 60. 40 x 4, 100 lebih. 200 lebih pelajar. Babagi 2, maknanya dalam 60 macam tu.*” Isu kehadiran turut terkait dengan waktu pengajaran diadakan. Kehadiran pelajar agak merunsingkan peserta kajian jika jadual waktu bermula seawal jam 8 pagi atau 9 pagi. Jelas Ustazah Arisyah, “*Dua, tiga orang (je) ada. Kalau kelas kul 8, lagilah, ustaz. Kalau kelas kul 12 tu, adalah ramai juga masuk.*” Hal yang sama diungkit oleh Ustazah Aleeya, katanya, “*Nak buat kul 9 tu, takde masalah sebenarnya. Tapi, tulah. Kita nak, kalau boleh, takkan 20 orang. Kalau boleh, sekurang-kurangnya 30. 30/35, oklah. Ini, 20, 19, 21. Dah berapa orang takde tu?*” Walau bagaimanapun, peserta kajian turut mengakui pelajar perempuan mampu memberikan komitmen yang lebih baik berbanding pelajar lelaki jika kelas diadakan pada awal pagi. Jelas Ustazah Aleeya, “*Pelajar perempuan nak (kelas pagi). Ustazah, saya ok je kul 9. Macam tu, kan? Tapi masalahnya tak puas hati. Kehadiran tu tak penuh.*” Selain itu, isu ini turut terkait dengan komitmen peperiksaan. Pelajar yang akan menghadapi peperiksaan awam akan memberikan komitmen dari sudut kehadiran kelas. Jelas Ustazah Aleeya, “*Macam, kelas exam, ok. Macam form 3 dengan form 5, ok la. Yang lain, form 4, honeymoon. Form 4, berapa orang je join. Susahlah.*” Komitmen pelajar dari sudut kehadiran turut makin merosot dari sehari ke sehari. Jelas Ustaz Zakkir, “*Budak-budak tu nampak dah menyusut... Awal-awal dulu ramai... Minggu ke-5, ke-6 ni, dah makin menyusut dah.*” Isu yang sama timbul, iaitu kekangan alatan seperti telefon pintar dan internet. Oleh hal yang demikian, peserta kajian mengambil tindakan pro-aktif untuk membekalkan pelajar tersebut dengan telefon pintar dan internet. Jelas Ustaz Zakkir, “*kita dah kenal pasti ada dalam 30 oranglah daripada pelajar-pelajar tu yang memang bermasalah peranti dan juga data. Diorang yang kurang kemampuanlah... Siapa yang nak bagi sumbangan, cikgu-cikgu dan juga kepada alumni-alumni, kita nak sediakan peranti tulah, dan juga data kepada mereka.*”

Isu yang sama dilalui peserta kajian jika mereka memberikan tugas kepada pelajar. Pelajar memberikan komitmen berbeza mengikut saluran tugas diberikan. Paling sedikit adalah jika saluran Google Classroom digunakan, iaitu sekitar tiga orang sahaja. Jelas Ustazah Arisyah, “*Kalau kita letak kerja dalam GCR (Google Classroom), kita letak video ke, apa-apa ke dekat situ, pastu saya suruh dia buat bahan bukti dia hantar, so masuk GCR. GCR, 3 orang je hantar.*” Namun, jika saluran google form digunakan, lebih ramai pelajar menyiapkan tugas. Jelas Ustazah Arisyah, “*Google form yang senang tu pun, 10 orang je jawab. (10 daripada) 30. Paling paling, 15 orang.*” Bentuk tugas turut mempengaruhi komitmen pelajar. Pelajar yang mempunyai kecerdasan muzik cenderung untuk menyiapkan tugas berasaskan muzik yang diberikan oleh guru. Jelas Ustazah Arisyah, “*Saya kata, sape boleh buat lirik, buat lirik. Diorang buat. Ada yang, setakat ni, budak yang samalah buat... Budak nasyidlah.*”

Cabaran ini bersifat berantai. Isu komitmen pelajar ini turut terkait dengan isu ketiadaan alatan seperti telefon pintar dan jaringan internet. Jelas Ustaz Zakkir, “*Lebih la, dalam 80%. Ada 30 orang, lebihlah, 25. Ramailah, maksudnya, yang bermasalah betul-betul tu, tak ramailah. 5, 6 orang macam tu je... Budak yang tu memang betul-betullah. Yang takde peranti, yang takde data. Macam tulah.*” Kata Ustazah Arisyah pula, “*Gitulah kata. Data (takde).*” Tambah Ustazah Ainur lagi, “*Kadang-kadang budak ni, dia guna henpon parent, parent pula pergi bekerja kan.*” Selain itu, ada pelajar yang bekerja di waktu tertentu menyebabkan mereka tidak dapat

hadir kelas. Kata Ustazah Aleeya, “*Ada (pelajar yang kerja). Tapi tulah. Nak buat macamana.*” Sebagai tambahan, ada juga masalah sikap yang mengutamakan hiburan berbanding pelajaran. Kata Ustazah Aleeya, “*Memang sikap kot. Main game malam, kan? Terus tak bangun. Lelakilah. Perempuan, setakat ni, ok. Join.*”

## **Perbincangan**

Dapatan ini menunjukkan peserta kajian mengaplikasi pengajaran sepertimana yang dicadangkan oleh KPM. Namun, aplikasi pengajaran tersebut diubah suai untuk disesuaikan dengan isu-isu tertentu yang mereka hadapi. Antara isu yang paling kerap timbul adalah isu ketiadaan alatan seperti telefon pintar dan kemudahan internet. Maka, ada tiga tindakan yang diambil oleh peserta kajian, iaitu; 1) mengusahakan supaya setiap pelajar dibekalkan dengan kemudahan tersebut, 2) mengubah jadual ke waktu yang boleh dihadiri oleh seramai mungkin pelajar, dan 3) memberikan tempoh tertentu kepada pelajar untuk memberikan respon terhadap pengajaran yang diberikan. Pemberian tempoh beberapa hari dibuat melalui pemberian tugas atau kuiz melalui aplikasi *WhatsApp* atau *Telegram* serta membenarkan pelajar bertanya apa-apa soalan mengenai konten daripada rakaman pengajaran guru. Pengubahsuaian panduan yang diberikan oleh KPM di kalangan peserta kajian menunjukkan sikap pro-aktif mereka ketika menangani ketidakpastian situasi pengajaran ketika itu. Mereka turut tidak selesa untuk mengikuti segala panduan yang diberikan, dan menganggap ia sebagai panduan dari sudut teoritikal, dan boleh diubahsuai agar dapat jadi lebih praktikal.


Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan peserta kajian tidak semata-mata menghasilkan bahan pengajaran mereka sendiri, bahkan mereka turut menggunakan bahan pengajaran yang dihasilkan oleh orang lain, sama ada yang diperolehinya daripada rakan ahli panitia atau yang diambilnya daripada atas talian. Keadaan ini menonjolkan dua sisi positif guru inovatif, iaitu; 1) mengiktiraf hasil kerja orang, dan 2) mengetahui limitasi kemampuan seseorang individu yang tidak akan mampu melakukan semua perkara sendirian dan perlu bergantung kepada individu lain. Hal ini bersesuaian dengan Model 4C yang mengakui bahawa semua individu kreatif dan mampu melakukan sesuatu yang kreatif bersesuaian dengan hasil kerja mereka (Kaufman & Beghetto, 2009). Yang membezakan antara seorang inovator dengan seorang yang kreatif yang lain adalah tahap kreativiti mereka. Dari sudut limitasi pula, seperti yang dinyatakan oleh Serdyukov (2017) bahawa penghasilan bahan pengajaran bersifat evolusi dan perlu dilakukan secara berterusan untuk memberikan impak yang signifikan. Impak yang lebih baik dapat direalisasikan dengan sokongan keseluruhan individu yang berada dalam sistem (Mohd Yusof Othman, 2012; Serdyukov, 2017). Oleh hal yang demikian, tiada keperluan seorang guru menghasilkan bahan yang sama dengan sesuatu yang telah sedia ada. Manfaatkan bahan yang telah dikongsikan itu. Sebaliknya, masa yang diijamatkan boleh dimanfaatkan untuk hasilkan bahan yang lain pula.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menunjukkan keciciran pelajar diakui ada oleh peserta kajian. Keadaan ini berlaku kerana ada segelintir pelajar yang mengutamakan hiburan dan kerja berbanding pelajaran. Namun, tiada intervensi khusus dilakukan oleh peserta kajian untuk menangani isu ini. Hal ini membuka ruang kepada kajian khusus mengenai keciciran pelajar di kalangan pelajar ketika PdPr berlangsung oleh pengkaji seterusnya.

## **Kesimpulan**

Dapatan menunjukkan terdapat lima topik yang dibincangkan oleh peserta kajian, iaitu mengenai; 1) persiapan, 2) penyediaan bahan pengajaran, 3) penjadualan kelas, 4) jenis pengajaran, dan 5) cabaran pengajaran maya. Dari sudut persiapan, peserta kajian meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal melalui pembelajaran, sama ada pembelajaran sendiri atau melalui guru lain. Selain itu, peserta kajian turut membeli alatan tertentu sebagai sokongan kepada pengajaran maya yang akan berlangsung. Dari sudut penyediaan bahan pengajaran, peserta kajian menghasilkan sendiri bahan pengajaran mereka. Pada masa yang sama, mereka turut menggunakan bahan pengajaran guru lain, sama ada daripada ahli

panitia atau yang diambil daripada atas talian. Dari sudut penjadual kelas pula, peserta kajian mematuhi panduan penjadualan yang diberikan oleh KPM dan pihak sekolah. Namun, ubahsuai turut dibuat berdasarkan masalah yang timbul, seperti komitmen pelajar untuk hadir ke kelas pada waktu pagi menyebabkan waktu malam menjadi alternatif. Dari sudut jenis pengajaran pula, peserta kajian mengamalkan pengajaran sehala dan dua hala. Pengajaran sehala dilakukan melalui aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram*. Pengajaran sehala dijadikan alternatif kepada pengajaran dua hala. Melalui pengajaran sehala, pelajar dibekalkan dengan video rakaman pengajaran, kuiz dan latihan tertentu. Pengajaran dua hala pula dibuat dengan memanfaatkan aplikasi *Zoom* atau *Google Meet*. Dari sudut cabaran pula, isu ketidakhadiran pelajar adalah isu yang besar, terutamanya bagi pelajar kelas belakang dan kelas yang diadakan pada awal pagi. Selain itu, isu ini turut terkait dengan isu lain seperti ketiadaan kemudahan seperti telefon bimbit dan data, pelajar bekerja dan sikap pelajar yang mengutamakan hiburan berbanding pelajaran. Ringkasan kesimpulan ini dapat difahami melalui rajah di bawah:



**Rajah 1:** Pengajaran Maya Guru Inovatif Pendidikan Islam

## References

- Amabile, T. (1988). A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior*, 10, 123–167.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education*. Singapore: Allyn and Bacon.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design*. Singapore: SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. United States of America: SAGE Publications. Retrieved from <http://library1.nida.ac.th/termpaper6/sd/2554/19755.pdf>
- Dawson, P., & Andriopoulos, C. (2017). *Managing Change, Creativity & Innovation* (3rd Edition). Singapore: SAGE Publications.
- Gill, S. L. (2020). Qualitative Sampling Methods. *Journal of Human Lactation*, 36(4), 579–581. <https://doi.org/10.1177/0890334420949218>
- Gray, L. M., Wong-Wylie, G., Rempel, G. R., & Cook, K. (2020). Expanding Qualitative Research Interviewing Strategies: Zoom Video Communications. *The Qualitative Report*, 25(5), 1292–1301.
- Hasan Langgulung. (1991). *Kreativitas dalam Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Isbell, R., & Raines, S. C. (2012). *Creativity and the Arts with Young Children*. Singapore: Wadsworth Cengage Learning.
- James, N., & Busher, H. (2016). Online Interviewing. In D. Silverman (Ed.), *Qualitative Research Methods*. SAGE Publications. [https://doi.org/10.1016/S0041-2678\(69\)80315-5](https://doi.org/10.1016/S0041-2678(69)80315-5)
- Kaufman, J. C., & Beghetto, R. A. (2009). Beyond Big and Little: The Four C Model of Creativity. *Review of General Psychology*, 13(1), 1–12. <https://doi.org/10.1037/a0013688>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/menimedia/media-cetak/penerbitan/terbitan/laporan-tahunan-2017-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025/1625-padu-laporan-tahunan-bm-2017/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*.
- Kirton, M. (1976). Adaptors and Innovators: A Description and Measure. *Journal of Applied Psychology*, 61(5), 622–629. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.61.5.622>
- Marinoni, G., Land, H. Van, & Jensen, T. (2020). *The Impact of Covid-19 on Higher Education Around the World*. France: International Association of Universities.
- Mazlina Abdul Majid. (2020). Adaptasi Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Bidang Pendidikan. Retrieved from <http://news.ump.edu.my/experts/adaptasi-pembelajaran-secara-maya-dalam-kebiasaan-baharu-bidang-pendidikan>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research*. Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Azhar Abd Hamid. (2004). *Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Yusof Othman. (2012). *Gagasan 1Malaysia: Kreativiti & inovasi dalam Pembinaan Peradaban*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Noor Hisham Md Nawi. (2014). *Sinergi Pemikiran Islam Kritis Kreatif*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Noy, C. (2008). Sampling Knowledge: The Hermeneutics of Snowball Sampling in Qualitative Research. *International Journal of Social Research Methodology*, 11(4), 327–344. <https://doi.org/10.1080/13645570701401305>
- Patton, M. Q. (2002). Two Decades of Developments in Qualitative Inquiry: A Personal, Experiential Perspective. *Qualitative Social Work*, 1(3), 261–283. <https://doi.org/10.1177/1473325002001003636>
- Serdyukov, P. (2017). Innovation In Education: What Works, What Doesn't, And What To Do About It? *Journal of Research in Innovative Teaching & Learning*, 10(1), 4–33. <https://doi.org/10.1108/JRIT-10-2016-0007>
- Sim, S. P., Sim, H. P., & Quah, C. (2020). Online Learning: A Post Covid-19 Alternative Pedagogy For University Students. *Asian Journal of University Education*, 16(4), 137–151.

- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Pengurusan Masa Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Online Journal Of Islamic Education*, 8(2), 33–39.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2019). Karakter Guru Inovatif Berdasarkan Surah al-Kahfi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, Special Is*(December), 13–22.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2019). Salman al-Farisi sebagai Model Inovator Unggul. *Journal of Hadith Studies*, 4(2), 13–20.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York and London: The Guilford Press.
- Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.